

## **[PERFORMANCE OF HAJJ IN THE MALAY COMMUNITY AN ANALYSIS THE TEXT OF TUHFAT AL-NAFIS]**

### **PELAKSANAAN HAJI DALAM KALANGAN MASYARAKAT MELAYU SATU ANALISIS TEKS TUHFAT AL-NAFIS**

*Nurin Sahira Zamri*

*P110080@siswa.ukm.edu.my (Corresponding Author)*

*Research Center for Arabic Language and Islamic Civilization,  
Faculty of Islamic Studies, National University of Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia*

*Farid Mat Zain*

*farid@ukm.edu.my*

*Research Center for Arabic Language and Islamic Civilization,  
Faculty of Islamic Studies, National University of Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia*

#### **Abstrak**

Ibadah haji merupakan rukun Islam kelima yang wajib ditunaikan bagi mereka yang mampu dan ibadah ini juga selari dengan amalan masyarakat Melayu sejak awal menerima pengaruh Islam. Pengalaman peribadi seseorang dalam melaksanakan rukun Islam yang kelima ini adalah berbeza antara satu sama lain. Catatan mengenai sejarah pelaksanaan haji dalam kalangan orang Melayu tidak banyak dilakukan. Sehingga kini tiada sumber yang menceritakan dengan jelas siapakah orang Melayu pertama yang pergi menunaikan haji. Kajian terhadap naskah Melayu sangat penting untuk melihat sejarah pelaksanaan haji dilakukan. Artikel ini memilih teks *Tuhfat al-Nafis* yang merupakan teks yang ditulis sekitar tahun 1866-1872M sebagai bahan kajian. Teks ini menyebut mengenai perjalanan dua tokoh bangsawan Riau iaitu Raja Ahmad dan Raja Ali Haji dalam melaksanakan haji. Selain itu artikel ini menjelaskan perjalanan haji Raja Ahmad dan rombongan ke tanah suci serta pengalaman dalam pelaksanaan ibadah haji tersebut. Selain itu, artikel ini juga menitikberatkan tentang catatan di Kota Makkah dalam penglibatan masyarakat Melayu dalam Pendidikan, politik dan sosial. Justeru didapati bahawa pengalaman peribadi dalam melaksanakan haji dan peristiwa yang dilalui semasa pelaksanaan tersebut menjadi input yang bernilai dalam sejarah pelaksanaan haji dalam kalangan orang Melayu.

**Kata kunci:** Makkah, Haji, *Tuhfat al-Nafis*, Raja Ali Haji, Raja Ahmad

#### **Abstract**

*Hajj is the fifth pillar of Islam that is obligatory for those who can afford it and this worship is also in line with the practice of the Malay community since the beginning of accepting the influence of Islam. A person's personal experience in implementing the fifth pillar of Islam is different from each other. Notes on the history of Hajj among the Malays are not doing much. Until now there is no source that clearly told who the first Malay to go on the Hajj. The study of Malay manuscripts is important to see the history of the Hajj. This article selects the text *Tuhfat al-Nafis* which is a text written around 1866-1872 AD as research material. This text mentions the journey of two noble figures of Riau namely Raja Ahmad and Raja Ali Haji in performing the Hajj. In addition, this article explains the Hajj journey of Raja Ahmad and his entourage to the holy land as well as the experience in performing the Hajj. In addition, this article also focuses on the record in the City of Mecca in the involvement of the Malay community in Education, politics and social. Thus, it was found that personal experience in performing Hajj and the events that happened during the performance became a valuable input in the history of performing Hajj among the Malays.*

**Keyword:** Mecca, Hajj, *Tuhfat al-Nafis*, Raja Ali Haji, Raja Ahmad

Article Received:  
17 June 2021

Article Reviewed:  
31 October 2021

Article Published:  
15 December 2022

## PENGENALAN

Teks *Tuhfat al-Nafis* adalah sebuah karya sejarah yang tidak asing lagi terutamanya dalam kalangan sejarawan yang mengkaji sejarah Johor-Riau Lingga dan Tanah Melayu. Karya *Tuhfat al-Nafis* ditulis oleh Raja Ali Haji iaitu salah seorang daripada bangsawan Riau. Selain itu, karya tersebut mengandungi kisah perjalanan haji yang dilaksanakan oleh Raja Ahmad pada tahun 1828M hingga 1829M. Perjalanan ke Makkah bermula apabila beliau melakukan perjalanan rasmi ke Betawi kali ke-2 pada tahun 1823H/1824M, namun pada ketika itu Raja Ahmad mengalami sakit parah. Oleh kerana itu beliau pulang ke Riau dalam keadaan yang begitu parah sehingga beliau bernazar akan menunaikan haji jika beliau sembuh. Namun begitu, didapati bahawa pelaksanaan haji oleh Raja Ahmad dan Raja Ali Haji di dalam karya *Tuhfat al-Nafis* bukan sahaja diatas sebab untuk menyempurnakan rukun Islam ke lima iaitu dengan menunaikan ibadah haji di Makkah, namun tujuan mereka juga turut berkait rapat dari aspek pendidikan iaitu dengan menimba ilmu di Masjidilharam dari ulama di Makkah, antaranya ialah Syaikh Daud al-Fatani kerana Raja Ali Haji tinggal dan belajar di Makkah dalam jangka masa yang agak lama iaitu selama setahun untuk mendalami ilmu pengajian Islam.

## LATAR BELAKANG PENGARANG

Raja Ali Haji merupakan seorang tokoh yang memainkan peranan penting dalam mengarang karya *Tuhfat al-Nafis*. Nama penuh beliau adalah Raja Ali al-Hajj Ibni Raja Ahmad al-Hajj Ibni Raja Haji Fisabilillah bin Opu Daeng Celak. Beliau lahir pada tahun 1808M di pusat Kesultanan Riau-Lingga Pulau Penyengat Indera Sakti, Kepulauan Riau, Indonesia dan beliau mangkat lebih awal daripada ayahnya, iaitu pada tahun 1872M dan dimakamkan di Ketapang, Melaka. Seterusnya, ayah beliau Bernama Raja Ahmad atau digelar Engku Haji, beliau dilahirkan pada tahun 1778M dan mangkat pada 1878M (H. Muhammad Bahar, 2015: 54). Keluarga Raja Ali Haji adalah keluarga yang mencintai ilmu dan gemar menulis, malah Raja Ahmad juga telah menghasilkan beberapa karya iaitu *Syair Engku Putri*, *Syair Perang Johor* dan *Syair Raksi*, dan juga *Tuhfat al-Nafis* versi pendek. (Ayu Nor Azilah et al., 2019: 335)

Selain itu, menurut Virginia Matheson dan Barbara Watson Andaya dalam *The Precious Gift (Tuhfat al-Nafis)*, yang dikutip Syamsul Anwar menyatakan bahawa Raja Ahmad berkahwin dengan Raja Hamidah, iaitu puteri Panglima Perang Selangor ketika berumur 25 tahun di Kelang Selangor, dan hasil dari perkahwinan inilah lahir Raja Ali Haji, malah beliau memiliki enam orang saudara iaitu Raja Muhammad Said beliau meninggal ketika pulang dari Betawi. Seterusnya Raja Haji Daud, Raja Abdul Hamid, Raja Usman, Raja Haji Umar dan Raja Haji Abdullah (Syamsul Anwar, 1999: 81).

Seterusnya, Raja Ali Haji berasal dari keturunan Melayu-Bugis, iaitu dalam diri Raja Ali Haji mengalir darah Bugis dari sebelah Moyang lelakinya, iaitu Daeng Celak yang berasal dari tanah Bugis dari keluarga Raja Luwu. Beliau adalah Yang Dipertuan Muda Riau kedua, dan wafat tahun 1745M manakala dari sebelah moyang perempuan mengalir darah Melayu (M. Hatta, 2007: 17).

Selain itu, Raja Ali Haji memperoleh pendidikan dari ayah beliau sendiri. Di samping itu beliau juga mendapatkan pendidikan dari lingkungan istana Kesultanan Riau Lingga di Pulau Penyengat iaitu beliau secara langsung mendapat pendidikan dari tokoh-tokoh terkemuka yang datang pada ketika itu ramai tokoh ulama yang merantau ke Pulau

Penyengat dengan tujuan mengajar dan sekaligus belajar antaranya ialah Habib Syaikh as-Saqaf, Syaikh Ahmad Jabarti, Syaikh Ismail bin Abdullah al-Minangkabawi, Syaikh Abdul Ghafur bin Abbas al-Manduri, dan ramai lagi. Malah dikatakan pada ketika itu Kesultanan Riau-Lingga dikenali sebagai pusat kebudayaan Melayu yang giat mengembangkan bidang ilmu agama, bahasa, dan sastra. Dengan itu, beliau mempelajari banyak bidang ilmu agama termasuk al-Quran dan Hadis secara langsung dengan tokoh-tokoh tersebut (Nurliana, 2018: 78).

Mata pelajaran yang diajarkan adalah bertumpu kepada al-Qur'an dan mata pelajaran lainnya seperti fiqh, usuluddin dan tasawwuf dan antara kitab yang menjadi bacaan pembesar Riau pada masa itu ialah kitab *Mir'at al-Tullab* karya Abdul Rauf al-Singkili. Raja Ali Haji turut berpegang teguh dengan Mazhab al-Shafi'i, dalam iktikad berpegang akan fahaman Shaykh Abu al-Hasan al-Ash'ari dan Abu Mansur al-Maturidi. Manakala dalam amalan tasawuf, beliau adalah seorang pengikut Tarekat Naqshabandiyyah serta mengamalkan *Selawat Dalail al-Khayrat* oleh Shaykh Muhammad ibn Sulayman al-Jazuli (Ayu Nor Azilah et al., 2019: 335).

Walau bagaimanapun, Raja Ali Haji turut mendapat pendidikan luar dari lingkungan istana, iaitu pendidikan dari segi urusan pentadbiran, contohnya sejak berusia 12 tahun Raja Ali Haji sudah terlibat dalam urusan kerajaan di bawah bimbingan ayah beliau. Malah, pada usia 30 tahun beliau sudah mengikuti sepupunya Yang Dipertuan Muda Raja Ali Ibni Raja Ja'far berkeliling memeriksa wilayah kerajaan. Raja Ali Haji turut mengikuti ayahnya ke Betawi dalam suatu urusan kerajaan antara Riau-Lingga dengan pemerintahan Hindia Belanda, iaitu masalah berkaitan lanun di perairan Riau dan penyerahan peralatan kerajaan kepada Abdul Rahman sebagai sultan, dan disinilah Raja Ali Haji sempat bertemu dengan Gabenor Jenderal Godart Alexander Gerard Philip Baron Van der Capellen. Selain itu, beliau turut berkenalan dengan kehidupan masyarakat Belanda serta menyaksikan berbagai pertunjukan kesenian. Justeru itu, beliau turut berkesempatan bertemu dengan para ulama dan mendalami pengetahuan Islam, terutama ilmu fiqh dan ilmu tauhid. Malah, Raja Ali Haji turut sempat menghadiri beberapa kali undangan Gabenor Belanda dan beberapa sarjana Belanda seperti Peter Roord dan Von de Wall (M. Hatta, 2007: 17 & 18)

Selain itu, bagi memperluas pengetahuan Raja Ali Haji mempelajari ilmu agama Islam sehingga ke Makkah ketika menunaikan haji Bersama bapanya. Di Makkah, Ali Haji sempat belajar dengan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani berkaitan ilmu Islam, dan bahasa Arab, malah beliau juga sempat bertemu dengan Syeikh Musafillah iaitu merupakan seorang keturunan Bugis yang mengajar di Makkah, serta Syeikh Ismail dan Syeikh Muhammad Saleh al-Zawi iaitu seorang pemimpin Tarekat Naqshabandiyyah di Makkah. Kemudian beliau menyambung pula pelajaran ke Mesir, dan pada akhirnya dalam usia yang muda beliau termasuk sebagai golongan cendikiawan agama pada ketika itu. Setelah itu, selepas kembali dari Makkah, beliau diminta oleh sepupu beliau untuk mengajar agama Islam antaranya ilmu *nahw*, *sarf*, usuluddin, fikah, tasawuf dan sebagainya. Malah Raja Ali bin Raja Ja'far juga turut menjadi salah seorang murid kepada Raja Ali Haji (Ayu Nor Azilah et al., 2019: 338).

Raja Ali Haji turut menghimpuhan para ahli agama di Riau, iaitu antaranya M. Arsyad Sayyed Ghulam al-Khandari yang berasal dari Kabul (M. Hatta, 2007: 19). Raja Ali Haji juga berusaha dengan menjemput beberapa orang ilmuan lain dalam agama seperti Sayyid Abdullah Baharain untuk mengajar di Pulau Penyengat (Ayu Nor Azilah et al., 2019: 341). Jelas dapat dilihat bahawa pendidikan di Makkah membawa kesan dan pengaruh yang baik kepada Raja Ali Haji apabila beliau berusaha untuk membangun, memelihara dan mengembangkan nilai-nilai dan adat Melayu Islam. Malah beliau juga membantu amalan pendidikan Islam untuk terus berkembang di Pulau Penyengat. Dengan kehadiran ramai ulama dan guru-guru yang berperanan sebagai tenaga pengajar telah menjadikan Pulau Penyengat medan untuk mendalami agama Islam (Ayu Nor Azilah et al., 2019: 338).

Seterusnya, pada tahun 1830M, Raja Ali Haji berkahwin dengan sepupunya iaitu Raja Safiah, anak bapa saudaranya Yang Dipertuan Muda Raja Ja'far. Ketika tahun 1830M beliau juga bergiat aktif dalam urusan pentadbiran kerajaan dengan mengiringi ayahnya Raja Ahmad sebagai pentadbir kerajaan Riau Lingga serta giat menceburkan diri dalam urusan dan hal ehwal pemerintahan kesultanan Riau-Lingga (Nurliana, 2018: 80), ini dapat dilihat melalui peranan beliau bersama sepupunya, Raja Ali bin Raja Jaafar yang membuat lawatan ke pulau-pulau jajahan Riau bagi menghapuskan aktiviti perlanunan yang sering mengganggu perairan Riau-Lingga. Selain itu beliau juga ditugaskan menjadi jurutulis surat perlantikan untuk ditandatangani oleh anak-anak raja bagi menandakan persetujuan mereka di atas perlantikan YDM yang baru iaitu sepupu beliau Raja Ali bin Raja Jaafar sebagai pemerintah Riau ke-8 pada 1843M (Raja Hisyamudin & Bharuddin, 2012: 331).

Walaupun dikatakan bahawa Raja Ali Haji merupakan seorang yang cukup konservatif, anti-Barat dan kuat pegangan Islamnya, terdapat beberapa suntingan surat-surat yang ditulis Raja Ali Haji kepada sahabatnya Herman Von de Wall yang merupakan seorang ahli linguistik dan antropologi Jerman yang bekerja di pejabat residen Belanda Tanjung Pinang, hal ini semakin memperjelas pandangan dan sikap yang semestinya diberikan oleh tokoh seperti Raja Ali Haji dari aspek hubungan kenegaraan. Oleh itu, secara umumnya dapat dilihat terdapat dua aspek yang ditonjolkan iaitu dalam aspek persahabatan juga turut dapat dilihat tentang hubungan kedua tokoh tersebut iaitu Raja Ali Haji bersusah hati ketika Von de Wall sakit (Nurliana, 2018: 81) oleh itu, dapat dilihat bahawa hubungan persahabatan Raja Ali Haji dan Von de Wall merupakan sangat akrab walaupun mereka berasal dari latar belakang yang berbeza.

Selain itu, Raja Ali Haji merupakan seorang intelektual yang terkenal di penghujung abad ke-19. Kecemerlangan Raja Ali Haji dalam dunia intelektual adalah berkat dari karya-karya yang dikarang beliau dan perjuangan dalam mendidik masyarakat Riau. Selain itu, karya-karya beliau tidak hanya terbatas pada *Gurindam Dua Belas*, iaitu sebagai sebuah karya sastera yang sangat terkenal, namun, karya beliau turut meliputi pelbagai bidang seperti agama, sejarah, bahasa dan budaya masyarakat Melayu (H. Muhammad Bahar, 2015: 54). Malah antara sumbangan karya beliau ialah *Tuhfat al-Nafis*, *Mukaddimah fi Intizam*, *Bustanul Katibin*, *Syair Sultan Abdul Muluk*, *Syair Hukum Nikah* dan beberapa karya lain (Muhammad Faisal, 2019: 7).

Walaubagaimanapun, pada masa akhir hayat Raja Ali Haji banyak menghabiskan waktu untuk beribadah, dengan cara berkhalwat dan uzlah, beliau berhasil mendirikan pusat pengkajian bahasa dan budaya Melayu di Pulau Penyengat, serta menjalani hidup dengan sederhana. Malah pada tahun 1868M beliau mula diserang penyakit. Pada 31 Desember 1872M masih terdapat surat yang ditulisnya kepada Von De Wall, oleh ini, dapat disimpulkan bahawa Raja Ali Haji meninggal dunia pada tahun selepas itu iaitu 1873M bersamaan dengan tahun meninggal sahabatnya Von De Wall di Tanjung Pinang. (Nurliana, 2018: 82).

Tahun meninggal Raja Ali Haji sempat menjadi perdebatan dalam kalangan ilmuan akademik iaitu meninggal antara tahun akhir 1872M dan 1873M. Namun, banyak sumber yang menyebutkan bahawa ia meninggal pada tahun 1873M, bersamaan dengan tahun kematian Sarjana Belanda Von de Wall. Hal ini dapat disimpulkan bahawa Raja Ali Haji meninggal tahun 1873M di Pulau Penyengat dan makam Raja Ali Haji berada di kompleks pemakaman Engku Puteri Raja Hamidah dan terletak di luar bangunan utama Makam Engku Putri. Selain itu, karya Raja Ali Haji *Gurindam Dua Belas* diabadikan di sepanjang dinding bangunan makamnya. Sehingga setiap pengunjung yang datang dapat membaca serta mencatat karya agung tersebut (Ahmad Dahlan, 2015: 358).

## KARYA TUHFAT AL-NAFIS

*Tuhfat al-Nafis* atau maksudnya *hadiyah yang bernilai* iaitu menurut Matheson Hooker, Pengarang *Tuhfat al-Nafis* menyatakan diawal teks maksud kepada *Tuhfat al-Nafis* merujuk adalah merujuk kepada kelakuan daripada Raja-raja Melayu dan Bugis. (Hooker, 1991: 128). Walau bagaimanapun, *Tuhfat* merupakan antara karya agung Raja Ali Haji dalam bidang sejarah, ia dikarang pada 3 Syaaban 1282H, iaitu bersamaan 1865M. *Tuhfat al-Nafis* juga dapat dikatakan sebagai antara karya sejarah terpenting selepas karya *Salasilah Melayu dan Bugis*. (Arba'iyah, 2014: 165) Selain itu, *Tuhfat al-Nafis* juga merupakan antara karya yang paling terkenal karangan Raja Ali Haji termasuk *Gurindam Dua Belas*. Menurut Aiza Maslan, *Tuhfat al-Nafis* ialah karya bersepodu yang dimulakan oleh Raja Ahmad, dan diselesaikan serta bertanggungjawab atas keseluruhan penyelesaiannya adalah puteranya iaitu Raja Ali Haji. (Harun, 2017: 135; Aiza, 2014: 7).

Selain itu, kandungannya teks *Tuhfat al-Nafis* dimulakan dengan menjelaskan sejarah Singapura, Melaka dan Johor yang kemudian dilanjutkan tentang Riau yang dikalahkan oleh Belanda. Selain itu, menurut Henri Chambert-Lior, Teks *Tuhfat al-Nafis* mengfokuskan kepada kerajaan Johor, namun ia turut membahaskan juga tentang semua kerajaan yang berkaitan dengan kerajaan Johor selama tempoh tahun 1700M-1865M seperti Pantai Timur Sumatera, Semenanjung Melayu dan Pantai Timur Kalimantan (Chamnbert-Lior, 2013: 235).

Selain itu, karya ini juga boleh dikatakan sebagai antara karya sejarah yang terpenting setelah *Sejarah Melayu* atau *Sulatus salatin*, yang merupakan teks terawal yang menyentuh berkenaan Kerajaan Johor, karya Tun Sri Lanang yang merupakan seorang Bendahara Kerajaan Melaka (Mohd Amirullah, 2005: 98). Malah menurut Virginia Matheson, dipetik dari Sunandar (2014), karya Raja Ali Haji ini juga merupakan antara catatan tentang Kerajaan Johor-Riau. Selain itu, menurut Datuk Zainal Abidin Abdul Wahid, menyatakan bahawa tidaklah sempurna bagi seseorang sejarawan yang menulis sejarah negeri Melayu, terutama Johor, Riau dan Selangor, jika tidak merujuk pada karya tersebut (Sunandar, 2014: 119).

Selain itu, Matheson menyatakan bahawa *Tuhfat al-Nafis*, siap ditulis sepenuhnya pada tahun 1860-an, iaitu teks asli *Tuhfat al-Nafis* siap ditulis kira-kira enam atau tujuh tahun sebelum wafat pengarangnya, iaitu Raja Ali Haji pada tahun 1873M. Malah, pada ketika itu juga, masyarakat Bugis telah berakar umbi dalam struktur politik masyarakat Melayu (H. Muhammad Bahar, 2015: 55). Selain itu, naskah *Tuhfat al-Nafis*, telah selesai disalin oleh Alwi dari Kepulauan Karimun pada 6 September 1886M bersamaan 8 Zulhijjah 1303H, dan seratus tahun kemudian iaitu pada 1986M turut disalin oleh Tengku Ismail bin Tengku Su. Virginia Matheson Hooker juga menerbitkan *Tuhfat al-Nafis* melalui Penerbit Fajar Bakti pada tahun 1982M. Oleh itu, dapat dilihat bahawa *Tuhfat al-Nafis* merupakan penulisan sejarah Melayu tradisional, iaitu karya ini pada mulanya ditulis di istana Kerajaan Melayu yang berpusat di Riau di bawah pengaruh Bugis (Matheson, 1998: xxvii).

Walau bagaimanapun, terdapat perkara yang menjadi pertikaian tentang teks *Tuhfat al-Nafis*, iaitu tentang pengarang sebenar teks iaitu antara Raja Ali Haji atau bapanya Raja Ahmad atau kedua-duanya sekali. Oleh itu, Virginia Matheson memberikan beberapa bukti yang menegaskan teks ini ditulis oleh Raja Ahmad di peringkat awal dan disambung oleh Raja Ah Haji. Menurut Virginia Matheson, pada tahun 1967 telah ditemui satu nota di dalam *Tuhfat* versi Maxwell yang mencatatkan naskhah ini telah dimulakan oleh Raja Ahmad yang meninggal dunia di Riau ketika berumur 103 tahun. Kemudian usaha ini diteruskan dan diselesaikan oleh anaknya Raja Aii Haji yang meninggal dunia semasa berumur 78 tahun. Di dalam *Tuhfat* versi Maxwell ini juga terselit kertas bertulisan jawi yang menyebut, "Sejarah Engku Haji Tua di dalam Riau." Engku Haji Tua adalah gelaran kepada Raja Ahmad. Virginia juga merujuk kepada lahirnya dua versi *Tuhfat* iaitu

pendek dan panjang yang boleh memberi makna daripada dua pengarang yang berbeza, daripada bukti-bukti tersebut Virginia membuat satu hipotesis, bahawa Raja Ahmad dan Raja Ali Haji adalah pengarang *Tuhfat al-Nafis*. (Matheson, 1991: 37).

Namun begitu, beliau membuat hipotesis ini berdasarkan maklumat yang diperolehi dari *Tuhfat* versi Maxwell yang menyebut tentang karya ini dimulakan oleh Raja Ahmad dan diselesaikan oleh Raja Ali Haji. Walaubagaimanapun, tidak pernah ditemui sebarang bukti dalam mana-mana versi *Tuhfat* yang menunjukkan wujud dua orang pengarang bagi teks tersebut. Oleh itu, Virginia mentafsirkan nota di dalam *Tuhfat* versi Maxwell itu sebagai, Raja Ahmad telah menulis atau menyusun *Tuhfat* itu sehingga tamat dan puteranya iaitu Raja Ali Haji telah menyusun semula naskhah itu dan lahirlah suatu naskhah yang lebih panjang (Virginia Matheson, 1991: 37).

## PERJALANAN KE TANAH SUCI

Teks *Tuhfat al-Nafis* menggambarkan bahawa pekerjaan haji bukanlah suatu perjalanan yang mudah, ia perlu dirancang terlebih dahulu oleh kerana kosnya yang tinggi. Selain itu, menurut edisi Matheson Hooker, Raja Ahmad ingin menunaikan haji atas dua sebab iaitu pertama adalah kerana ingin menunaikan nazar dan kedua adalah untuk menyempurnakan rukun Islam kelima. (Aiza, 2017: 8). Ketika perjalanan rasmi beliau ke Batavia atau Betawi pada tahun 1923M, Raja Ahmad pulang ke Riau dalam keadaan beliau mengalami sakit yang begitu parah sehingga mengambil masa yang lama untuk sembuh. Hal ini telah membuatkan beliau bernazar akan menunaikan haji jika beliau sembuh dari sakit tersebut. (Hooker, 1991: 540).

Seterusnya, setelah Raja Ahmad sembuh, beliau segera membuat persediaan untuk menunaikan haji. Beliau meminta izin daripada kekandanya iaitu Yang Dipertuan Muda Riau Raja Jaafar dan Engku Puteri untuk menunaikan ibadah haji di Makkah. Namun perjalanan haji itu dipersiapkan dua atau tiga tahun kemudian kerana dalam usaha mengumpulkan dana. Oleh itu beliau berdagang ke pesisir utara Pulau Jawa bersama dengan beberapa orang pengikut beliau sebagaimana yang diusulkan oleh Raja Jaafar dan Engku Puteri. Namun begitu, pelbagai cabaran dan dugaan dihadapi oleh mereka, contohnya seperti Raja Ali Haji diserang penyakit hawar yang parah sehingga menyebabkan muntah dan cirit birit. Selain itu mereka turut ketinggalan kapal untuk ke tanah suci dan terpaksa menangguhkan perjalanan mereka seketika (Aiza, 2017: 8).

Seterusnya, hasil daripada wang yang dipinjamkan oleh Engku Puteri sebanyak RM10,000 beserta dengan hasil perdagangan mereka di Tanah Jawa, sebanyak RM14,000, Raja Ahmad beserta 13 rombongan haji termasuk anaknya Raja Ali Haji, menantunya Sayyid Abdullah dan Engku Sayyid mereka berolak ke Pulau Pinang. (Raja Ali Haji & Raja Ahmad, 1982: 302). Namun ketika di Singapura mereka tidak mendapat kapal untuk ke Tanah Suci. Oleh itu pada awal tahun 1828M, rombongan mereka menumpang kapal Sayid Hashim yang dinakhodai oleh Hasan Badwi untuk berlayar ke Pulau Pinang dan singgah untuk beberapa hari. Oleh itu, semasa di Pulau Pinang ketika menunggu kapal untuk berlayar ke Jeddah, Raja Ahmad diberikan rumah oleh sayid Hashim dan turut membantu Raja Ahmad untuk menjual beberapa barang berharga untuk mendapatkan wang perbelanjaan bagi perjalanan menunaikan haji (Aiza, 2017: 8).

Seterusnya, rombongan Raja Ahmad berlayar ke Jeddah dengan menumpang sebuah kapal Turki, yang bernama *Feluka* yang dinakhodai oleh Sayyid Husain. Oleh itu, mereka tiba di Jeddah pada 18 Syaaban 1283H bersamaan 3 Mac 1828M (Raja Ahmad & Raja Ali Haji, 1982: 302). Raja Ahmad seterusnya memilih Syaikh Musyafi yang berketurunan Bugis untuk menjadi Syaikh Haji beliau bersama rombongan, walaupun ramai syeikh-syeikh haji lain yang menyambut ketibaan mereka antaranya seperti syeikh Ismail, ini kerana telah menjadi tradisi untuk memilih yang sama keturunan dan bangsa bagi memudahkan komunikasi kedua belah pihak (Aiza, 2017: 9).

Seterusnya, Syeikh Musyafi membawa rombongan haji Raja Ahmad ke Makkah serta memakai ihram untuk bertawaf dan Sa'i. Setelah selesai mereka mengunjungi Mufti al-Shafi'i lalu menunggu sehingga akhir Ramadhan untuk pergi ke Madinah. Namun, keadaan di Makkah pada ketika itu berada dalam keadaan huru-hara apabila Sharif Makkah iaitu Raja Sharif Yahya telah membunuh salah seorang ahli keluarga beliau iaitu Sharif Shambar yang diutuskan oleh Gabenor Mesir untuk menggantikan beliau. Sharif Shambar dibunuh di dalam Masjid al-Haram dan menyebabkan berlaku banyak penentangan termasuk dari Sultan Istanbul iaitu Sultan Mahmud sehingga dijangka akan berlaku perperangan (Chambert-Lior, 2013: 239).

Oleh itu, Raja Ahmad dan rombongan beliau pergi ke Madinah dan bergabung dengan sekelompok kafilah yang terdiri daripada 2,000 ekor unta. Selain itu, perjalanan mereka sering terdedah pada serangan orang Badwi. Seterusnya mereka singgah di luar Kota Badr, dan Raja Makkah iaitu Sharif Yahya yang berada di dalam Kota Badr diberitahu bahawa seorang anak Raja Jawi dari Negeri Riau, iaitu sahabat ayahnya sedang dalam perjalanan, oleh itu, Raja Makkah telah menjamin keselamatan kafilah tersebut dan sampai di Madinah dengan selamat (Chambert-Lior, 2013: 239).

Seterusnya, sewaktu di Madinah, Raja Ahmad berziarah ke makam Rasulullah, seterusnya ke Pekuburan Baqi' yang menempatkan para sahabat dan para syuhada' Islam. Kemudian beliau berziarah pula ke Jabal Uhud dan tempat-tempat ziarah yang lain. Setelah selesai ziarah, Raja Ahmad turut mewakafkan sebuah kebun untuk keturunan Shaykh Saman. Setelah 11 hari di Madinah rombongan Raja Ahmad Kembali ke Makkah. Di Makkah pula beliau mewakafkan dua buah rumah iaitu satunya kepada Shaykh Isma'il namun berpindah pada Mufti al-Shafi'i, seterusnya sebuah lagi diwakafkan kepada Shaykh Muhammad Salih dan pada akhirnya turut berpindah pada Mufti al-Shafi'i kepada nazirnya iaitu orang yang bertanggungjawab terhadap harta wakaf (Raja Ahmad & Raja Ali Haji, 1982: 302-303).

Oleh itu, waktu haji pun tiba, maka Raja Ahmad beserta rombongan menunaikan haji, dan umrah, berwukuf di Arafah bersama dengan para jemaah haji yang datang dari seluruh dunia. Kemudian mereka bertawaf dan saie kemudian melontar jamrah di Mina, seterusnya masuk ke dalam Makkah dan bertahlil serta memakai serban. Kemudian daripada itu, Raja Ahmad membeli pula satu rumah *hawsh* iaitu sepetak tanah untuk membuat rumah wakaf di Mina dan diwakilkan kepada Haji Ahmad Musyafi untuk membina rumah wakaf tersebut (Raja Ahmad & Raja Ali Haji, 1982: 303).

Setelah selesai segala ibadah yang dilakukan oleh Raja Ahmad Bersama rombongan beliau, mereka pulang ke tanah air. Malah menurut *Tuhfat al-Nafis* juga keberangkatan pulang mereka diantar dan diiringi oleh para syaikh di Makkah sehingga ke Jeddah. Seterusnya, Raja Ahmad beserta rombongan berlayar pulang dengan menumpang kapal Turki milik Sayid Muhammad Ali dan menyewa sebuah bilik yang besar yang boleh memuatkan 14 orang. Oleh itu, setelah 3 bulan berada di tanah suci, Raja Ahmad beserta rombongan berlayar pulang ke Pulau Pinang, seterusnya ke Singapura dan barulah pulang ke Riau (Chambert-Lior, 2013: 239). Teks *Tuhfat al-Nafis* turut menyatakan Raja Ahmad anak raja Riau-Lingga adalah bangsawan Riau pertama yang pergi menunaikan haji dan telah membuka pintu untuk raja-raja Riau pergi haji. (Raja Ahmad & Raja Ali Haji, 1982: 303).

## **CATATAN DI KOTA MAKKAH OLEH RAJA AHMAD DAN RAJA ALI HAJI DALAM TUHFAT AL-NAFIS**

### **Pendidikan di Kota Makkah**

Selain dari menunaikan ibadah Haji di Kota Makkah, Raja Ali Haji turut memanfaatkan waktu keberadaan beliau di Makkah untuk menambah ilmu pengetahuan. Di Tanah Suci

inilah, pendidikan beliau mengalami peningkatan yang sangat memberangsangkan dari segi keilmuan. Dalam *Tuhfat al-Nafis* tidak menyebut dengan jelas penglibatan beliau dalam menambah ilmu pengetahuan ini. Namun dalam kajian penulis lain ada sedikit menyebut tentang perkara ini. Di sana beliau sempat berhubungan dengan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani. Beliau belajar dengan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani berkenaan pengetahuan bahasa Arab dan ilmu-ilmu keislaman yang lainnya seperti fiqh dan tasawuf. Selain itu, Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani merupakan seorang tokoh ulama yang amat dihormati dalam kalangan masyarakat Melayu yang ada di Kota Makkah. Malah, selama di Kota Makkah, Raja Ali Haji juga bersahabat dengan salah seorang anak Syeikh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari, iaitu Syeikh Syihabuddin bin Syaikh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari (Raja Hisyamudin & Bharuddin, 2012: 330).

Seterusnya, Syeikh Daud al-Fatani juga telah memberi sumbangan yang besar dalam bidang pendidikan melalui peranannya sebagai pendidik dan pendakwah. Semasa hayatnya, beliau telah diberi penghormatan untuk menjadi salah seorang daripada tenaga pengajar yang diberi tauliah untuk mengajar di Masjid al-Haram, Makkah. (Wan Mohd. Shaghir, 1990: 26). Selain itu, Syeikh Daud dalam kesibukannya menulis dan menjadi syeikh haji, beliau tetap bersedia mengorbankan masa dan tenaganya untuk mengajar melalui kuliah-kuliah dalam pelbagai disiplin ilmu Islam seperti fiqh, akidah dan tasawuf. Malah, kuliah-kuliah yang disampaikan oleh beliau sentiasa dihadiri oleh pelbagai golongan pelajar termasuklah para jemaah haji yang datang dari setiap pelosok dunia dan termasuklah Raja Ali Haji (Ismail, 1988: 29).

Dalam catatan Wan Shaghir menyebut tentang beberapa nama murid Syeikh Daud al-Fatani di Kota Makkah. Antara mereka ialah Raja Haji Ahmad bin Raja Haji Riau, Raja Ali Haji Riau dan Raja Haji Abdullah @ Marhum Mursyid Riau adalah kaum Diraja Riau yang memegang peranan penting dalam pentadbiran pemerintahan mahupun dalam pengembangan ilmu pengetahuan di Kerajaan Riau-Lingga, Johor, Pahang dan Alam Melayu. Malah, Raja Haji Ahmad dan puteranya Raja Ali Haji sewaktu di Betawi pernah belajar ilmu falak daripada Shaykh Abdur Rahman al-Masri, iaitu sahabat Syaikh Daud al-Fatani. Oleh itu, pada tahun 1243H/1828M, Raja Haji Ahmad membawa serombongan dari Riau pergi ke Kota Makkah termasuk Raja Ali Haji untuk menunaikan ibadah haji dan dalam masa tersebut, beliau sempat belajar dengan Syaikh Daud al-Fatani dalam bidang ilmu agama dan bahasa Arab di Makkah (Wan Mohd. Shaghir, 1990: 33).

Selain itu, Raja Ahmad dan Raja Ali Haji mempunyai hubungan langsung dengan dunia pengajian Islam, iaitu setelah setahun menimba ilmu pengajian Islam di Tanah Suci sewaktu menunaikan haji. Malah beliau percaya bahawa Islam dan prinsipnya adalah dorongan utama dalam kehidupan manusia (Aiza, 2017: 11).

Seterusnya, Raja Ali Haji sangat terkenal dalam kajian atau perbahasan bahasa dan sastera di alam Melayu. Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa beliau banyak terpengaruh dengan bahasa yang dipergunakan oleh Syeikh Daud al-Fatani. Contohnya dalam buku Raja Ali Haji, adakalanya terselit bahasa Patani dan Kelantan, seperti kata ‘selalu’. Dalam bahasa Melayu yang umum ‘selalu’ bererti sering kali dilakukan, tetapi dalam bahasa Patani dan Kelantan ertiinya ‘terus’ (Wan Mohd. Shaghir 1990: 42).

Walau bagaimanapun, sebagai contoh di antara tulisan Raja Ali Haji tentang ini, iaitu “*Syahdan adapun Raja Haji itu, tiadalah ia singgah lagi selalu ia ke Riau jalan Singapura. Maka berselisihlah perjalanannya itu dengan Raja Dibaroh, sebab tiada ia berjumpa di laut. Maka selalulah ia masuk ke dalam Riau.*” ‘Selalu’ dalam ayat tersebut bukan bererti ‘sering’ tetapi adalah ‘terus’ menurut bahasa Patani dan Kelantan, sedangkan dalam percakapan di Riau sendiri tidak pernah diertikan sedemikian. Oleh itu, ia adalah salah satu bukti bahawa Raja Ali Haji terpengaruh dengan bahasa Syeikh Daud al-Fatani, malah ia juga digunakan termasuk ketika mengajar mahupun digunakan dalam kitab-kitab beliau. (Wan Mohd. Shaghir, 1990: 42).

Oleh itu, kesan yang dapat dilihat daripada perjalanan haji Raja Ahmad sepanjang berada di tanah suci ialah, Raja Ahmad telah membuka ‘pintu haji’ untuk berhaji kepada para bangsawan Riau yang lain. hal ini dapat dilihat apabila Yang Dipertuan Muda pertama yang menunaikan haji adalah Raja Abdullah yang memerintah pada tahun 1857M-1858M dan Raja Muhammad Yusuf yang memerintah pada 1858M-1899M. Selain itu, Raja Abdullah dikatakan merupakan seorang yang amat soleh dan pernah menjadi murid kepada Raja Ali Haji, iaitu Raja Abdullah memperdalam pengetahuan beliau berkaitan ilmu tajwid (Abu Hasan, 1993: 18) malah menurut Vredenbregt, pada akhir abad ke-19, seluruh golongan elit Bugis di Riau telah pergi menunaikan haji di Kota Makkah (Vredenbregt, 1962: 148).

Justifikasinya, banyak kesan baik yang diperoleh daripada pendidikan di dalam dan luar istana termasuk di Timur Tengah dan Masjidilharam, walaupun Pulau Penyengat selalu dikunjungi oleh ulama-ulama dari luar, tetapi Raja Ali Haji dianggap sebagai guru agama yang dihormati. Malah, pada sekitar tahun 1840M, beliau merupakan penasihat, guru agama, guru bahasa Melayu dan Bahasa Arab kepada Raja Abdul Rahman (1831-1844) Raja Ali (1844 – 1857), Raja Haji Abdullah (1857-1858) dan kepada Raja Muhammad Yusuf (1858-1899). Malah, sebagai penasihat Raja Ali Haji juga telah ditugaskan untuk membawa alim ulama seperti Syed Abdullah Bahrain bagi mengajarnya dan para pegawai kerajaan tentang ilmu agama dan al-Quran di Pulau Penyengat (Raja Hisyamudin & Bharuddin, 2012: 331).

Oleh itu, didikan Islam yang lama di Timur Tengah telah mendedahkan Raja Ali Haji kepada pemikir-pemikir Islam yang besar seperti Imam al-Ghazali. Pemikiran al-Ghazali terutama yang berkait dengan perilaku dan etika pemerintah Islam seperti yang tertulis dalam kitab *Nasihat al-Muluk* amat dikagumi oleh Raja Ali Haji sehingga beliau telah membentuk satu persepsi yang baik terhadap ciri-ciri keperibadian seorang pemerintah Islam dan beliau telah menghasilkan dua buah karya berkaitan adab raja-raja iaitu *Intizam Waza'if al-Malik* dan *Thamarat al-Muhibbin* yang berasaskan pemikiran Imam al-Ghazali (Ayu Nor Azilah et al., 2019: 340).

## **Politik dan Masyarakat di Kota Makkah**

Kota Makkah juga tidak dapat lari daripada masalah politik yang melanda khususnya perebutan takhta antara kerabat diraja. Malah menurut teks *Tuhfat al-Nafis*, ketika rombongan beliau di Kota Makkah, Makkah sedang dilanda kemelut politik yang hebat, apabila Sharif Yahya iaitu Raja Makkah ingin mempertahankan kedudukan kuasa beliau di Kota Makkah. Disebutkan beliau telah membunuh kerabat lainnya iaitu Sharif Shambar di dalam Masjidilharam kerana Sharif Shambar telah diutus oleh Gabenor Mesir yang berada di bawah kekuasaan al-Uthmaniyyah di bawah pimpinan Sultan Mahmud Khan untuk menggantikan Sharif Yahya (Raja Ali Haji, 1998: 377).

Oleh itu, akibat dari pembunuhan tersebut, Sultan Mahmud Khan menghantar wakil beliau iaitu Basyah yang merupakan Gabenor dalam era pemerintahan Turki al-Uthmaniyyah untuk menjaga Haramayn iaitu Ahmad Pasha yang merupakan anak saudara kepada Muhammad ‘Ali Pasha iaitu pemerintah Mesir. Oleh kerana rasa tidak puas hati, berlaku percaduhan antara Sharif Yahya dan Pasha. Namun pada akhirnya, kemelut politik ini telah memberi kesan kepada jemaah haji apabila jalan untuk dilalui oleh jemaah haji dari Makkah ke Madinah tidak aman dan selamat disebabkan isu tersebut. Oleh itu, Sharif Yahya keluar dari Kota Makkah lalu ke Kota Badr iaitu sebuah desa diantara Makkah dan Madinah. Malah beliau mengumpulkan tentera dan rakyat daripada kalangan masyarakat Badwi untuk memerintah semula Kota Makkah (Raja Ali Haji, 1998: 377).

Walau bagaimanapun, oleh kerana tiada jalan selamat untuk ke Madinah, Raja Ahmad dan para *masyaikh* haji di Makkah bermuafakat untuk meneruskan perjalanan ke

Kota Madinah dengan selamat. Oleh itu, mereka bersama-sama dengan beberapa kafilah yang ingin menuju ke Madinah dicatatakan sebanyak dua ribu ekor unta dari rombongan Raja Ahmad tersebut yang disertai Syeikh Musyafi. Malah, untuk keselamatan, mereka bersedia dengan mengisi meriam, senapang dan pistol serta digunakan apabila melalui tempat yang bahaya (Raja Ali Haji, 1998: 338).

Selain itu, dapat dilihat juga bahawa masyarakat di Kota Makkah sangat meraikan tetamu, hal ini seperti mana yang kita ketahui sehingga kini iaitu adab bangsa Arab tersebut dalam meraikan tetamu. Malah, menurut catatan, ketika rombongan mereka di Jedah, mereka diraikan oleh syaikh-syaikh yang ada disitu antaranya Syeikh Ismail, Syeikh Ahmad Musyafi dan suruhan Syeikh Daud. Mereka juga masing-masing ingin membawa Raja Ali Haji dan Raja Ahmad kerumah mereka. Selain itu, ketika mereka duduk di rumah Syaikh Musyafi, dan para syeikh turut datang mengunjungi beliau (Chambert-Loir, 2013: 247).

Seterusnya, jemaah haji tidak sunyi daripada isu rompakan oleh masyarakat Badwi ketika meakukan perjalanan. *Tuhfat al-Nafis* turut mencatatkan tentang kafilah yang berperang dengan orang Badwi sepanjang perjalanan, malah ada harta yang dirompak dan dirampas. Selain itu, Sharif Yahya juga menyatakan agar tidak merisaukan tentang orang Badwi yang suka merompak itu, kerana telah mendapat jaminan keselamatan dari Sharif Yahya hingga ke Kota Madinah (Raja Ali Haji, 1998: 338, Chambert-Loir, 2013: 246).

Oleh itu, walaupun dilanda kemelot politik di Kota Makkah, Sharif Yahya tetap memberikan pelindungan kepada rombongan jemaah haji Raja Ahmad dengan memberikan keamanan dan keselamatan kepada rombongan dan kafilah yang menyertai perjalanan bersama Raja Ahmad. Beliau memerintahkan askar Badwi untuk menjaga khemah rombongan tersebut serta menyalakan unggul api sehingga waktu siang (Chambert-Loir, 2013: 246; Raja Ali Haji, 1998: 338). Hal ini menunjukkan bahawa walaupun mengalami masalah dan kemelut politik, sikap pemimpin Kota Makkah iaitu Sharif Yahya amat prihatin dan bertanggungjawab terhadap keselamatan rombongan haji Raja Ahmad.

Walau bagaimanapun, konflik politik yang melanda Makkah pada ketika itu tidak memberikan kesan dan pengaruh kepada pemikiran politik Raja Ali Haji, hal ini dapat dilihat apabila Raja Ali Haji tetap mengamalkan syariat Islam dalam pentadbiran. Malah dapat dilihat juga pada abad ke-18 dan abad ke-19 turut disebut sebagai abad kolonial yang menyaksikan pengaruh besar Eropah dan ini menyebabkan alam Melayu mengalami pertembungan agama, politik, ekonomi dan transformasi sosio-budaya. Namun, Raja Ali Haji memaikan peranan dalam pelbagai cara antaranya dengan menghasilkan karya agar dapat menjadi panduan seperti *Tuhfat al-Nafis Muqaddimah fi intizam, Thamarat al-muhimmah* dan karya lainnya. Malah, beliau juga menjadi menjadi rujukan dalam hal berkaitan ilmu agama Islam sehingga tergolong dalam kelompok yang bergelar ulama, dan beliau turut berperanan sebagai pegawai diplomatik apabila dihantar sebagai pegawai utusan antara dua buah negeri (Ayu Nor Azilah et al., 2019: 335).

Apabila tiba waktu untuk pulang ke Riau, masyarakat Makkah amat prihatin dengan menghantar rombongan Jemaah haji Raja Ahmad dan Raja Ali Haji dari Kota Makkah ke Jedah. Ia adalah sebagai tanda bahawa masyarakat Makkah turut menyambut baik kedatangan bangsawan Riau tersebut dengan dengan menjaga keselamatan serta keamanan sepanjang perjalanan mereka dalam menunaikan ibadah haji walaupun mempunyai masalah dalam isu sosial dan politik di Kota Makkah (Raja Ali Haji, 1998: 379).

## KESIMPULAN

Pengalaman Haji orang Melayu dapat dilihat menerusi catatan teks *Tuhfat al-Nafis* oleh Raja Ahmad dan Raja Ali Haji, terdapat banyak aspek positif terhadapasyarakat di Melayu yang dapat dilihat menerusi perjalanan haji yang dilaksanakan oleh Raja Ahmad. Malah, sokongan dari pemerintah dengan cara memperbolehkan rakyat menyelesaikan tuntutan agama sangat menonjol dalam peranan Yang Dipertuan Muda Riau pada abad ke-19 serta catatan *Tuhfat* berkaitan sosial dan politik yang diketengahkan seperti pemerintah Makkah turut memberikan keselamatan walapun tergugat dengan isu politik yang melanda kota Makkah. Selain itu, *Tuhfat* turut mengangkat martabat dan status individu yang mengerjakan ibadah haji, ia terlihat apabila anggota rombongan Raja Ahmad diberikan gelaran haji sebaik selesai menunaikan ibadah berkenaan. Malah dapat dikatakan kesedaran masyarakat terhadap kewajipan haji serta dalam menuntut ilmu pengajian Islam turut menonjol dalam kehidupan beragama golongan bangsawan dan masyarakat Melayu Riau selepas itu dan keadaan ini juga memaparkan bahawa ibadah haji merupakan suatu ibadah yang penting dalam masyarakat Riau, malah ketiauan terhadap agama dan pegangan pada adat budaya setempat masih utuh dan tidak tergugat dengan kehadiran penjajah.

Kesimpulannya, boleh dikatakan bahawa, Raja Ali Haji adalah tokoh ulama yang berjuang mempertahankan, dan mengangkat martabat agama, bangsa dan tamadun Melayu antaranya apabila beliau melakukan perjalanan ke Kota Makkah dengan banyak memberikan kesan positif dalam pandangan masyarakat Melayu pada ketika itu berkaitan Haji di Tanah Suci dan pendidikan Islam. Selain itu, Raja Ali Haji berperanan dan bertanggungjawab menghasilkan karya-karya demi meluaskan pengetahuan dalam kehidupan masyarakat di alam Melayu terutama berkaitan tempat suci orang Islam iaitu Makkah dan Madinah samada dari segi ekonomi, politik dan sosial. Walaubagaimanapun, pada tahun 1873, alam Melayu kehilangan seorang karyawan, pakar bahasa dan ulama apabila Raja Ali Haji meninggal dunia, dengan meninggalkan karya-karya agung untuk kajian generasi hingga ke hari ini.

## RUJUKAN

- Abu Hassan Sham. (1993). *Puisi-Puisi Raja Ali Haji*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Dahlan. (2015). *Sejarah Melayu*. Jakarta: Kepustakaan Populer Gramedia
- Aiza Maslan. (2017). Pemergian Menunaikan Haji Dalam Hikayat Hang Tuah dan *Tuhfat Al-Nafis*. *Journal of Department of History*. 13(13), 2-26.
- Andaya, B. W. & Matheson, V. (1979). *Islamic Thought and Malay Tradition: The Writings of Raja Ali Haji of Riau*. Anthony Reid & David Marr (ed) *Perception of the Past in Southeast Asian*. Singapore: Heinemann Educational Books.
- Arba'iyah Mohd Nor. (2014). Menelusuri Nilai Etika dalam Pemerintahan Johor-Riau-Lingga Menerusi Naskhah *Tuhfat al-Nafis* Versi Terengganu. Prosiding Naskhah dan Relivensnya dalam Kehidupan Masa Kini. Simposium Internasional Pernaskhahan Nusantara, hlm. 165-185.
- Ayu Nor Azilah Mohamad, Mohamed Ali Haniffa & Wayu Nor Asikin Mohamad. (2019). Perjuangan Raja Ali Haji dalam Bidang Keagamaan pada Abad ke-19: Satu Sorotan. Persidangan Antarabangsa Tokoh Ulama Melayu Nusantara 2019 ke-3, hlm. 334-342.
- Barnard, Timothy. (2009). *Southeast Asia and the Middle East: Islam, Movement and the*

- H. Muhammad Bahar Akkase Teng. (2015). *Tuhfat Al-Nafis: Karya Sastera Sejarah (Melayu) dalam Perspektif Sejarah*. *Jurnal Ilmiah Bahasa Sastra dan Pembelajarannya*. 2(1), 49-6.
- Harun, M., Abd Aziz, M. K. N., & Yahya, S. R. (2017). Historiografi Manuskip Jawi Nusantara: Analisis Sejarah dalam *Tuhfat al-Nafis* dan *Sulalat Assalatin*. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*. 5(1), 126 – 170.
- Hashim Musa & Rozita Che Rodi. (2017). Raja Ali Haji: Cendekiawan Ulung dan Pemikir Besar Merentas Zaman. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*. 5(2), 13 – 28.
- Henri Chambert-Loir. 2013. *Naik Haji di Masa Silam Jilid 1 (1842-1964)*. Jakarta: Keputakaan Populer Gramedia.
- Ismail Che Daud. (1988). *Tokoh-Tokoh Ulama' Semenanjung Melayu* (1). Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Jan van der Putten dan al-Azhar. (1995). *Di dalam Berkekalan Persahabatan: "In Ever Lasting Friendship": Letters from Raja Ali Haji*. Leiden: Department of Languages and Culture of South-East Asia and Oceania, University of Leiden.
- Junus, Hassan. (2002). *Raja Ali Haji, Budayawan di Gerbang Abad XX*. Pekanbaru: Unri Press.
- Longue Duree, (eds.) *The Hajj, Islam and Power among The Bugis in Early Colonial Riau* (hlm. 65-82). Palo Alto: Stanford University Press.
- M. Hatta. (2007). *Pesan-Pesan Tasawuf dalam Gurindam Dua Belas Karya Raja Ali Haji*. Pekanbaru: Unri Pess.
- Matheson, V & Andaya, B. W. (1982). *The Precious Gift*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Matheson, V (1991). *Tuhfat al-Nafis: Raja Haji Ahmad dan Raja Ali Haji*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti
- Matheson, V. & A.C Milner. (1984). *Perception of the Haj: Five Malay Texts*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Matheson, V. (1982). *Tuhfat al Nafis: Raja Haji Ahmad dan Raja Ali Haji*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Matheson, V. (1991). *Tuhfat al-Nafis: Sejarah Melayu-Islam*. terj. Ahmad Fauzi Basri. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Matheson, V. (1998). *Raja Ali Haji, Tuhfat al-Nafis*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd Amirullah A. R. (2005). Kerajaan Johor-Riau dalam Sejarah Peradaban Melayu. Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Malaysia.
- Muhammad Faisal. (2019). *Etika Melayu: Pemikiran Moral Raja Ali Haji*. Bintan: Stain Sultan Abdurrahaman Press.
- Nurliana. (2018). Nilai Psikologi Pendidikan Islam dalam Puisi Gurindam Dua Belas Gubahan Raja Ali Haji. Tesis Sarjana. Universiti Muhammadiyah Yogyakarta.
- Raja Ali Haji. (1998). *Tuhfat Al-Nafis*. Pnyt. Virginia Matheson Hooker. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Raja Haji Ahmad dan Raja Ali Haji. (1997). *Tuhfat Al- Nafis*. Shah Alam, Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Raja Hisyamudin bin Raja Sulong & Bharuddin Che Pa. (2012). Penggunaan Ayat-Ayat al-Qur'an oleh Raja Ali Haji di dalam Karya Beliau Thamarat al-Muhimmah. Proceedings: The 2nd Annual International Qur'anic Conference, hlm. 327-342.
- Sunandar. (2014). Melacak Hubungan Kesultanan Sambas dan Bugis (Studi Awal terhadap Naskah *Tuhfat al-Nafis*). *Journal of Islamic Studies Khatulistiwa*. 4(2), 117-125.
- Syamsul Anwar. (1999). *Konsep Negara dalam Dunia Melayu (Kajian terhadap Pemikiran Ali Haji)*. Yogyakarta: UIN Sunan Kalijaga.

- Wan Mohd. Shaghir Abdullah. (1990). *Shaykh Daud Bin Abdullah Al-Fatani: Ulama' dan Pengarang Terulung Asia Tenggara*. Shah Alam: Penerbitan Hizbi.
- Winstedt, R. O. (1961). *Malay Chronicles from Sumatera and Malay*. D. G. E. Hall (pnyt.). *Historian of Southeast Asia*. London: Oxford University Press.
- Zaharah Awang. (1987). Suatu Penelitian Mengenai Tuhfat Al-Nafis sebagai Sumber Sejarah. Tesis Sarjana. Fakulti Sejarah. Universiti Sains Malaysia, Malaysia.